

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk membangunkan pelan jaringan internet yang lebih baik di kawasan pedalaman khususnya di daerah Sik bagi memudahkan urusan pengajian atas talian pelajar sekolah dan universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula tahun hadapan, KPM akan menaik taraf capaian Internet jalur lebar di semua sekolah daripada kelajuan 30Mbps hingga 100Mbps, ke kelajuan 100Mbps hingga 800Mbps bergantung kepada saiz sekolah melalui inisiatif rangkaian bersepadu Sektor Awam MyGov*Net yang disediakan oleh MAMPU.

Bagi 141 buah sekolah di pedalaman yang tidak mempunyai capaian Internet melalui jalur lebar, KPM sedang dalam usaha menyediakan capaian Internet melalui teknologi *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) berkelajuan 30Mbps yang dijangka siap pada Februari 2021. Khusus bagi 32 buah sekolah KPM di PPD Sik, lima (5) sekolah berada di kawasan bandar manakala 27 sekolah berada di kawasan luar bandar, KPM telah menyediakan capaian Internet jalur lebar di kesemua sekolah berkenaan. Sekian, terima kasih.